

17 AUG 2000
Lee-Mahathir

LEE KUAN YEW SIFATKAN HUBUNGANNYA DENGAN DR MAHATHIR TIDAK BERTELAGAH

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew hari ini mengimbas hubungannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bermula dari tahun 1960-an, yang disifatkannya sebagai tidak bertelagah.

Lee berkata beliau ada bercanggah pendapat dengan Dr Mahathir tetapi beliau telah berhubung dengan Dr Mahathir lama sebelum Dr Mahathir menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Saya tidak menghadapi masalah dengan Dr Mahathir sebagai perdana menteri dengan perdana menteri," kata Lee pada persidangan media selepas mengakhiri lawatan empat hari ke sini. Ini ialah lawatannya yang pertama dalam tempoh 10 tahun sejak beliau melepaskan jawatan pada 1990.

Mengenai hubungan peribadinya dengan Dr Mahathir, Lee berkata beliau telah berhubung rapat dengan Dr Mahathir sejak 1970-an kerana beliau tahu bahawa Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas Tun Hussein Onn.

Lee berkata beliau kemudian telah beberapa kali mengundang Dr Mahathir ke Singapura dan mereka bertukar-tukar pandangan secara terus-terang.

Lee berkata hasil pertemuan itu, mereka menjalin hubungan peribadi dan selama sembilan tahun dari 1981 hingga 1990 apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia dan beliau Perdana Menteri Singapura, beliau tidak berkonflik dengan Dr Mahathir.

Lee berkata konflik hanya timbul selepas beliau meninggalkan jawatan perdana menteri dan Perdana Menteri sekarang Goh Chok Tong mewarisi Perkara-perkara dalam Perjanjian.

Lee, 76, berkata, sehingga sekarang mereka berhubung rapat tetapi bukan atas soal bisnes semasa pertemuan di Davos, Switzerland dan dalam beberapa pertemuan di Tokyo.

"Saya boleh menyatakan bahawa kami boleh berterus-terang antara satu sama lain," kata beliau sambil berkata bagaimanapun tidak selalu mereka bersetuju antara satu sama lain.

Bekas Perdana Menteri Singapura itu menarik perhatian bahawa beliau dan Dr Mahathir adalah dari generasi yang sama dan telah melalui pengalaman yang sama.

"Kami berdua tidak selalu bersetuju tetapi kami telah mencari jalan untuk memahami antyara satu sama lain dan ini memang benar selepas saya sekali lagi menemui beliau pada Selasa.

"Ia bukan hubungan bersifat bertelagah," kata beliau.

Lee berkata kurangnya contact antara pemimpin generasi muda keda-dua negara menimbulkan masalah dan ia akan menjadi bertambah sukar jika ia berterusan.

Beliau berkata satu sistem lawatan dari semasa ke semasa di kalangan pemimpin dari Malaysia dan Singapore tanpa agenda adalah perlu untuk memupuk persahabatan supaya mereka boleh berhubung antara satu sama lain dan bukan secara formal.

Apabila ada masalah, mereka sudahpun mengetahui pembawaan masing-masing sambil menarik perhatian walaupun dalam keadaan yang sukar pun dahulu, beliau sempat berhubung dan bermain golf dengan Tunku (Abdul Rahman Putra), Tun Razak (Hussein) atau Tun Dr Ismail dan menteri yang lain ketika itu kerana mereka mempunyai latarbelakang yang sama dan berkawan.

Lee berkata Dr Mahathir tidak menghadapi masalah mengenai perkara itu kerana beliau dilatih sebagai seorang doktor di Singapura dan kadang-kala ke Singapura untuk bertemu semula dengan kawan-kawan lama dan oleh itu mereka terikat daripada segi emosi.

"Goh Chok Tong tidak menuntut di University of Malaya di Singapura kerana beliau menuntut di University of Singapore di Singapura dan saya fikir (Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad) Badawi

menuntut di Universiti Malaya di Malaysia," kata beliau sambil membayangkan bahawa kedua-dua mereka tidak mempunyai latarbelakang yang sama.

Beliau berkata cadangan lawatan dari semasa ke semasa di kalangan pemimpin dan anggota parlimen kedua-dua negara tidak seharusnya menjadi tumpuan media kerana jika ia berlaku, ia akan menyebabkan mereka menghadapi tekanan.

-- BERNAMA

MNY MNY FAZ